

SIARAN AKHBAR

PERSIDANGAN PERTANIAN 2021: 'SEKTOR PERTANIAN: CABARAN DAN HALATUJU KE HADAPAN'

1. Hari Sabtu, 1 Zulkaedah 1442 bersamaan 12 Jun 2021 - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telahpun menganjurkan satu persidangan pertanian yang bertajuk 'Sektor Pertanian: Cabaran dan Halatuju ke Hadapan' sempena acara *Brunei Mid-Year Conference and Exhibitions (MYCE) 2021* pada 12 Jun 2021 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC). Penganjur bersama persidangan ini ialah *Kemuda Institute*.
2. Hadir selaku Tetamu kehormat ke majlis persidangan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
3. Majlis persidangan tersebut didahului dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa daripada Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Seterusnya acara di mulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan ucapnama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang seterusnya merasmikan pembukaan persidangan ini.
4. Ucapnama persidangan juga telah dibentangkan oleh ahli panel luar negara, Professor Hidetoshi Nishimura, Presiden *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA)*. Manakala, persidangan menampilkan 3 orang 'moderator' dan 16 orang ahli panel. Penyertaan ahli-ahli Panel daripada dalam dan luar negeri termasuk Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; Pengusaha-pengusaha sektor pertanian dan Agensi-agensi yang ada berkaitan dengan sektor pertanian.
5. Tajuk-tajuk forum memfokuskan kepada lima tajuk utama seperti berikut:
 - a. Peranan Pendidikan dalam Mendokong Sektor Industri Pertanian (*Roles of Education in Supporting Agricultural Sector*);
 - b. Penggunaan Teknologi dalam Mendokong Peningkatan Pengeluaran & Produktiviti (*Usage of Technology in Increasing Farm Production and Productivity*);



- c. Cabaran dan Peluang dalam Meningkatkan Produktiviti Ladang (*Challenges and Opportunities in Increasing Productivity and Production: Farming Perspective*);
 - d. Peranan Industri Ternakan dalam Mendokong Jaminan Sekuriti Makanan (*The Role of Livestock Industry in Supporting Food Security for Livestock Commodities*); dan
 - e. Peluang-Peluang Pembiayaan dan Pelaburan dalam Sektor Pertanian (*Funding and Investment Opportunities in Agriculture Sectors*).
6. Sektor Pertanian merupakan antara penyumbang kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam khususnya di dalam sektor bukan berasaskan minyak dan gas. Bagaimanapun, ke arah melakar kejayaan dalam sektor ini bukanlah mudah, beberapa bentuk cabaran terpaksa dilalui oleh para peladang dan pengusaha di Negara ini antaranya termasuklah dari aspek tenaga kerja, pendidikan, kemahiran, pengalaman, penggunaan teknologi dan sumber kewangan. Sektor pertanian berperanan untuk memastikan sebahagian bekalan makanan dalam negara ini mencukupi yang dibekalkan melalui peningkatan hasil daripada Industri Padi, Ternakan, Tanaman dan Agrimakanan.
 7. Antara lainnya, objektif utama persidangan ini ialah untuk memberigakan kepentingan bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan produktiviti sektor pertanian kepada para peladang dan pengusaha di Negara ini ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, khususnya melalui pengenalan teknologi dan teknik pertanian moden; untuk menarik minat orang ramai, khususnya golongan belia, agar menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu bidang kerjaya bagi menjana pendapatan; dan untuk menjadi *platform* bagi memberigakan peranan agensi-agensi yang berkepentingan, awam dan swasta, dalam menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian di Negara ini.
 8. Seramai lebih daripada 400 orang yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha, peladang-peladang sektor pertanian, pakar-pakar akademik dan penuntut-penuntut dari institusi pendidikan yang berkaitan dengan sektor pertanian telah hadir ke persidangan ini.
 9. Brunei MYCE 2021 merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menarik pasaran MICE (*Meetings, Incentives, Conferences and Events*) khususnya '*business travellers*' ke Negara Brunei Darussalam. Ianya memfokuskan kepada acara-acara berbentuk persidangan, seminar, forum, bengkel dan pameran atau ekspo dengan objektif utamanya untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan meningkatkan aktiviti perniagaan dan *networking* di kalangan ilmuan dan para pengusaha dari dalam dan luar Negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang <https://www.bruneitourism.com/brunei-myce/> dan ikuti Instagram: @bruneimyce.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Dasar, Pengurusan dan Kewangan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 12hb Jun 2021